

CNS0460

U GB 23-01 00165 BA632

Bah

Mahathir - Agama

KUALA LUMPUR, 23 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan niat jahat golongan tertentu di Sabah yang mengedarkan salinan ayat suci al-Quran berserta perkataan tertentu untuk menimbulkan ketegangan antara umat Islam dan penganut Kristian di negeri itu.

Kata Perdana Menteri, perkataan pada salinan fotostat itu ditulis dengan huruf rumi dengan mengguna dakwat merah yang antaranya berbunyi: +Kenapa menekan orang Kristian+.

+Perbuatan ini amat bahaya dan jika kerajaan dapat mengesan siapa yang melakukannya, kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan,+ katanya pada persidangan akhbar di pejabatnya di sini, bagi mengumumkan kenaikan gaji lima peratus bagi kakitangan kerajaan.

Menurut beliau, salinan ayat suci itu telah diedarkan melalui pos kepada beberapa orang termasuk ke pejabat beliau dan kepada Menteri Perusahaan Awam Datuk Dr Mohamed Yusof Nor.

Katanya, setakat ini kerajaan tidak mengetahui siapa yang bertanggungjawab terhadap perbuatan itu tetapi ia jelas bukan perbuatan orang Islam. -- Lagi.

♥23/01/18-12MST

CNS0469

U GB 23-01 00142 BA635

Bah

Mahathir - Agama 2 Kuala Lumpur

Menurutnya, beliau mendedahkan perkara itu kerana ada kemungkinan salinan ayat suci itu akan diedarkan kepada orang ramai untuk menimbulkan ketegangan antara umat Islam dan orang Kristian.

Perdana Menteri juga kesal kerana Parti Bersatu Sabah (PBS) turut memainkan sentimen agama di kalangan rakyat di negeri itu.

Mengenai hasrat UMNO untuk ke Sabah, Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah itu bertujuan memperkenalkan konsep liberal UMNO di Sabah terutama berhubung kerjasama antara kaum.

Katanya, walaupun UMNO terhad kepada orang Melayu, parti itu pernah menerima orang Thai yang bukan beragama Islam dan Orang Asli menganggotainya.

Oleh itu, apabila UMNO masuk ke Sabah, ia boleh menerima rakyat negeri itu yang bukan beragama Islam untuk merapatkan balik hubungan antara orang Islam dan bukan Islam di negeri itu. -- Bernama.

♥23/01/18-18MST